

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA)—KERAJAAN SEDANG MENGAJUI KEMUNGKINAN MENUBUHKAN SEBUAH JABATAN KHAS UNTUK MEMERANGI RASUAH. DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDANG MENIMBANGKAN LANGKAH MENUKARKAN BIRO SIASATAN NEGARA KEPADA JABATAN ANTI-RASUAH ATAU AGENSI SEPERTI DIKENALI DAHULU.

DALAM SATU TEMU RAMAH SEMPENA 100 HARI BELIAU MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERUBAHAN ITU DIFIKIRKAN PERLU UNTUK MEMPERCEPATKAN PENYIASATAN TERHADAP AMALAN-AMALAN RASUAH.

KATANYA DI BAWAH SUSUNAN SEKARANG MASA YANG BANYAK TERBUANG BAGI SIASATAN, DAN KEPUTUSAN SERING LEWAT DISEBABKAN PROSES BIROKRATIK.

AKIBATNYA, APABILA SESEORANG YANG DITUDUH MELAKUKAN RASUAH DIBAWA KE MAHKAMAH, KERAJAAN AKAN KEHILANGAN LEBIH BANYAK WANG DARIPADA JUMLAH YANG DAPAT DISELAMATKAN JIKA PERBUATAN RASUAH ITU TIDAK BERLAKU.—BERSAMBUNG 2110/HM

MAHATHIR-RASUAH • KUALA LUMPUR

+JADI, KITA TIDAK MENYELAMATKAN APA-APA TETAPI DALAM PADA ITU KITA MENGALAMI KEHILANGAN YANG BEGITU BANYAK. KITA KEHILANGAN PEKERJAAN, KEHILANGAN BEKALAN DAN INI SEMUA KERANA KITA CUBA UNTUK MENGELAK RASUAH DENGAN CARA YANG TIDAK BERKESAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA JABATAN YANG DICADANGKAN ITU AKAN DIKENDALIKAN OLEH SEGOLONGAN KAKITANGAN YANG BERDEDIKASI DAN MEREKA AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN SEPENUHNYA UNTUK MEMBASMI RASUAH.

+HARAP SAYA TIDAK UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBUAT KEPUTUSAN SECEPAT MUNGKIN DI APA PERINGKAT JUA PUN TETAPI KITA HARUS JUGA SENTIASA MENGAWASI MEREKA ITU.+

+JIKA ADA SEBARANG TANDA-TANDA YANG MEREKA MELAKUKAN RASUAH ATAU SEBARANG AKHBAR ANGIN ATAU TANDA-TANDA YANG MEREKA MELAKUKAN PERBUATAN ITU KITA AKAN MENYIASAT MEREKA.+

+PERTAMA, KITA AKAN MENENTUKAN JUMLAH HARTA BENDANYA DAN KEMUDIAN MENYIASAT SAMA ADA IA TIBA-TIBA MENJADI KAYA. TINDAKAN AKAN DIAMBIL. OLEH DEMIKIAN, KITA BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN LEBIH AWAL.—BERSAMBUNG 2115/HM

38

Seby 125  
40.

MENURUT PERDANA MENTERI APA YANG BERLAKU SEKARANG BSN MENGAMBIL MASA YANG LAMA UNTUK MENYIASAT PERKARA-PERKARA YANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN RASUAH SEPERTI MENYIASAT HARGA DAN MUTU BARANG-BARANG.

+SUNGGUHPUN MUNGKIN ADA PENIPUAN BERLAKU, BUKANLAH TUGAS BSN UNTUK MENYIASAT PERKARA-PERKARA TERSEBUT, + JELASNYA.

SAMBIL MENEGASKAN KERAJAAN MEMPUNYAI ORANG YANG BERDEDIKASI DAN JUJUR DARI KALANGAN AHLI POLITIK, KAKITANGAN KERAJAAN DAN POLIS UNTUK MENGENDALIKAN JABATAN ATAU AGENSI YANG DICADANGKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ARAHAN YANG MENGHENDAKI PARA PEGAWAI KANAN AWAM MENGISYTIHARKAN HARTA MEREKA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA LANGKAH UNTUK MENCEGAH RASUAH.

40

+SEBAIK SAHAJA KITA MENERIMA BORANG-BORANG MEREKA, BILA-BILA MASA SAHAJA KITA BOLEH +CEKUP+ MEREKA APABILA MEREKA DISYAKI.

—BERSAMBUNG 2119/HM

MENSIFATKAN AMALAN RASUAH DI MALAYSIA TIDAKLAH SEBURUK BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEADAAN DI NEGARA INI MASIH BOLEH DIPERBAIKI.

BELIAU MENJENISKAN RASUAH KEPADA DUA KATEGORI IAITU SECARA BERSEMBUNYI-SEMBUNYI DAN SECARA TERBUKA.

+APABILA KEADAAN SAMPAI KE PERINGKAT TERBUKA DI MANA SEMUA ORANG, DARI ATAS KE BAWAH, TERLIBAT DALAM RASUAH, ADALAH SUKAR UNTUK DIATASI.

+DI PERINGKAT INI, WANG YANG DIDAPATI DARIPADA RASUAH DIANGGAP SEBAGAI SEPERTI JUGA PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN—PENDAPATAN BIASA. DENGAN ITU, KITA TIDAK BOLEH TERBALIKKAN PROSES INI. +—BERNAMA

2121/HM